

## **Kepercayaan Pelajar Terhadap Konsep Ubudiyah Dalam Pengurusan Halal**

Mahfuzah Mohammed Zabidi<sup>1\*</sup>, Sh. Fadylawaty Sy. Abdullah<sup>1</sup>,  
Zulaipa Ruzulan<sup>1</sup>, Nurhapizah Mohd Burhan<sup>2</sup>, Faridah Sairi<sup>3</sup>,  
Norakmal Ab Hamid<sup>2</sup>, Mohd. Hafiz Ab Wahab<sup>1</sup>, Nur Hidayah Zainal<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
42300 Bandar Puncak Alam, Malaysia

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Komtemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Jengka, Pahang, Malaysia.

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Komtemporari, Universiti Teknologi MARA,  
Dengkil, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang Penghubung  
[najm\\_07@yahoo.com](mailto:najm_07@yahoo.com) / [mahfuzah3051@uitm.uitm.edu.my](mailto:mahfuzah3051@uitm.uitm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Pengurusan halal adalah satu bidang kritikal yang perlu diberikan perhatian serius demi merealisasikan Malaysia sebagai salah sebuah hab halal dunia. Bidang ini bertujuan memastikan kesucian dan sifat “patuh syariah” bagi sesuatu produk atau perkhidmatan terus terpelihara. Graduan bidang pengurusan halal diharapkan berperanan secara langsung dalam memenuhi keperluan badan pensijilan halal. Pelajar bidang ini perlu dipersiapkan dengan kefahaman mengenai konsep halal secara bersepadan dengan nilai ubudiyah yang mendasari akidah, syariah dan tasawuf dalam Islam. Hal ini bagi memastikan mereka dapat memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat, khususnya kepada penggiat industri bahawa halal bukan sekadar pada label atau logo semata-mata. Kajian ini bertujuan meneroka kepercayaan pelajar Diploma Pengurusan Halal, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA mengenai konsep ubudiyah dan kesepadanannya dalam pengurusan halal. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi temubual kumpulan fokus berpandukan protokol separa berstruktur.

Data temubual dianalisis secara separa transkrip. Temubual mendapati bahawa pelajar lebih banyak menghubungkan konsep ubudiyyah dalam pengurusan halal dengan aspek syariat berbanding aspek akidah dan tasawuf. Oleh itu, kesepaduan ilmu antara kursus-kursus akademik yang ditawarkan oleh fakulti, sama ada dalam pengajian ilmu Islam maupun pengajian ilmu moden yang berteraskan nilai ubudiyyah dalam bidang pengurusan halal dilihat perlu diperkemaskan bagi mendepani isu halal secara lebih holistik. Natijahnya, kesepaduan ilmu ini akhirnya berupaya menzahirkan Islam sebagai agama rahmat untuk sekalian alam.

**Kata kunci:** Pengurusan Halal, Pendidikan Islam dan Ubudiyyah.

## ABSTRACT

Halal management is one of the critical areas that need serious attention in order to make Malaysia as a world halal - hub become reality. The main purpose of halal management is to ensure goods and services offered are sharia-compliant. Students in this area are expected to get involved directly in fulfilling the requirement of halal certification bodies. Therefore, they need to be prepared with a comprehensive understanding on the concept of halal that integrates the value of ubudiyyah which underlies aqidah, sharia and tasawuf in Islam. This is to ensure their capability to convey the message especially to the industry players that halal is not merely labels or logos. This study therefore explored the belief amongst students in Halal Management of ACIS UiTM on the concept of ubudiyyah and its integration in halal management practices. This qualitative approach is conducted through semi-structured interviews with a group of students. It is found that students are more inclined to relate the concept of ubudiyyah in halal management with sharia aspects rather than discussing it in the perspective of aqidah and tasawuf. Due to this, the integration of Islamic knowledge and the values of ubudiyyah need to be strengthened so that students in this course are more equipped

in facing halal issues and challenges effectively and holistically.

**Keywords:** Halal management, Islamic education, Ubudiyah

## 1. Pengenalan

Permintaan tinggi terhadap produk halal di peringkat global menjadikan bidang pengurusan halal sebagai satu bidang yang berpotensi besar di Malaysia. Bagi merealisasikan hasrat negara untuk menjadi salah sebuah hab halal dunia, para graduan dalam bidang pengurusan halal berperanan penting dalam memastikan industri halal yang berkembang adalah selari dan memenuhi kehendak syariah (Hasan et al., 2011). Namun begitu, keghairahan memenuhi kelayakan persijilan halal baik di Malaysia mahupun di peringkat dunia telah menyebabkan halal kehilangan maknanya yang sebenar (Kambiz & Mohammad Reza 2011; Mohd Aliff et al., 2015). Halal diambil sebagai satu syarat penjanaan ekonomi yang lebih menguntungkan berbanding jalan untuk menunjukkan kepatuhan dan ketundukan diri kepada Allah SWT (Kambiz & Mohammed Reza, 2011; Nurrulhidayah et al., 2015). Untuk itu, para pelajar dalam bidang pengurusan halal perlu diberi kefahaman mengenai konsep halal bukan sahaja dari segi prinsip dan prosedur bahkan secara bersepadu dengan nilai ubudiyah yang mendasari setiap asas Islam iaitu akidah, syariat dan tasawuf (Al-Qaradawi, 2015; Mohd Affandi, 1992). Pengukuhan kefahaman ini penting agar visi untuk memperolehi keredhaan Allah SWT dapat diperkuuhkan berbanding matlamat untuk meraih keuntungan ekonomi semata-mata dalam industri halal (Hasan et al., 2015; Mohammad Ghozali & Nor ‘Azzah, 2015).

Kekeliruan dalam menyepadukan konsep ubudiyah ini boleh menyebabkan persoalan halal dilihat sebagai sesuatu yang bersifat mekanistik semata-mata, tanpa wujudnya keyakinan dan kesedaran jiwa terhadap keimanan kepada Allah SWT. Implikasinya, pihak industri mungkin mengambil kesempatan untuk menjadikan para graduan dalam bidang ini sebagai alat untuk memperoleh persijilan halal yang seterusnya dapat menjana keuntungan yang besar kepada mereka (Mohd Aliff et al., 2015; Mukherjee, 2014). Oleh itu, artikel ini bertujuan meneroka kepercayaan pelajar bidang pengurusan halal

terhadap konsep ubudiyyah. Penerokaan tersebut meliputi persoalan, (i) Apakah kepercayaan pelajar mengenai konsep ubudiyyah? (ii) Bagaimanakah pelajar melihat kesepaduan nilai ubudiyyah dengan bidang pengurusan halal? Bahagian awal artikel ini menghuraikan secara ringkas konsep ubudiyyah dan kepentingannya dalam pengurusan halal. Dalam bahagian yang seterusnya, metodologi kajian, dapatan dan perbincangan dihuraikan. Akhir sekali, beberapa langkah untuk memperteguhkan penerapan nilai ubudiyyah dalam bidang pengurusan halal dicadangkan agar para graduan dalam bidang ini dapat berperanan dengan sewajarnya demi memartabatkan industri halal dengan maknanya yang sebenar.

## 2. Ubudiyyah dalam Pengurusan Halal

Kalimah ubudiyyah secara literalnya bermaksud perhambaan diri, pemujaan atau penyembahan kepada Allah SWT. Manakala dari sudut istilah, ubudiyyah merujuk kepada pelaksanaan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala laranganNya serta tidak mensyirikkan Allah dengan selain-Nya (Al-Nabhani, 1994; Wan Mohd Yusof & Abdul Karim, 2015). Secara asasnya, prinsip ubudiyyah ini telah disebut di dalam Al-Quran menerusi Surah Az-Zaariyat ayat 56 yang bermaksud, “*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka mengabdikan diri kepada-Ku.*” Ayat ini menjelaskan bahawa tujuan manusia diciptakan adalah untuk merealisasikan ubudiyyah kepada-Nya, dengan melakukan ketaatan dan ketundukan dalam segala urusan mengikut cara yang disukai dan diredhai Allah sama ada dalam kepercayaan, perasaan jiwa, percakapan dan perbuatan (Al-Nabhani, 1994; Al-Qaradhawi, 2015).

Ketundukan kepada Allah SWT tidak sekadar melibatkan aspek zahir seperti percakapan atau perbuatan yang selari dengan apa yang dikehendaki oleh Allah SWT, tetapi apa yang lebih penting adalah aspek keyakinan dan perasaan jiwa manusia terhadap konsep keesaan dan keagungan Allah SWT dalam mentadbir sekalian alam (Al-Ghazali, 1976; Al-Taftazani, 1976). Atas premis ini, ubudiyyah menjadi intipati utama yang membentuk kefahaman sebenar tentang konsep halal. Hal ini disebabkan oleh ubudiyyah adalah nilai asas yang

mendasari kesepaduan bidang pengurusan halal dengan aspek akidah, syariat dan tasawuf dalam Islam. Penjelasan ini menolak fahaman yang membataskan skop halal kepada aspek penyembelihan yang sah, makanan yang bersih dari unsur babi, arak atau najis atau kelayakan mendapat persijilan semata-mata (Lokman, 2009; Nurrulhidayah et al., 2011). Penjelasan ini juga menolak pembatasan persoalan halal terhadap pengambilan makanan dan minuman sahaja, bahkan halal mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia seperti perkhidmatan halal dalam pelbagai sektor pengilangan, perhotelan, pelancongan dan lain-lain lagi (Mahmassani, 2000; Mohd Aliff, 2015).

Kesepaduan bidang pengurusan halal dengan nilai ubudiyyah dalam aspek akidah membentuk insan yang yakin dan bersangka baik dengan Allah SWT. Ini adalah disebabkan oleh perbahasan dalam akidah melibatkan pengenalan terhadap sifat-sifat Allah SWT serta rukun iman yang lain. Kesepaduan ini menonjolkan hubungan rapat nilai ubudiyyah dengan nilai Tauhid yang melihat kewujudan Allah selaku Tuhan yang Maha Esa, Maha Berkuasa, Maha Adil dan Maha Pengampun serta tiada satu apa pun yang menyerupai-Nya. Keyakinan ini seterusnya melunakkan diri manusia untuk menerima segala ketetapan hukum halal dan haram daripada Allah SWT dengan penuh redha dan syukur. Setiap hukum daripada Allah SWT diterima sebagai satu bentuk penzahiran kasih sayang Allah SWT untuk memuliakan manusia dan memastikan manusia menjalani hidup yang suci, dan bukannya untuk menyusahkan atau menyempitkan hidup hamba-Nya (Al-Qardhawi, 2015; Sa'id Hawwa, 2001).

Dalam aspek syariat pula, kesepaduan bidang pengurusan halal terhadap nilai ubudiyyah dapat membangunkan disiplin dan komitmen terhadap perlaksanaan hukum hakam, syarat dan rukun yang ditetapkan oleh Islam. Bahkan, kesungguhan dalam menjaga setiap hukum hakam yang ditentukan oleh Allah SWT adalah bukti keimanan terhadap syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Dengan itu, maqasid syariah (objektif syariat) yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan kehidupan manusia serta memandu sifat dan naluri manusia ke arah kebaikan dapat direalisasikan (Che Zarrina & Sharifah Fatimah, 2014; Hasan et al., 2015).

Selanjutnya dalam aspek tasawuf, kesepaduan bidang halal terhadap nilai ubudiyyah mampu membersihkan jiwa sehingga mencelikkan mata hati mereka dalam merasai kewujudan dan kasih sayang Allah SWT melalui setiap peraturan atau hukum hakam yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Dengan itu, wujudnya sifat warak dalam diri untuk berhati-hati dengan perkara halal dan haram kerana merasai pengawasan Allah SWT ke atas setiap tindak tanduk zahir dan batin dirinya. Sikap warak tersebut merupakan akhlak yang terbit dari sifat ihsan yang bertunjangkan keimanan yang mantap terhadap Allah SWT (Al-Ghazali, 1990; Che Zarrina & Sharifah Fatimah, 2014). Oleh yang demikian, pekerjaan yang dilakukan tidak bertujuan untuk memuaskan pihak atasan atau mendapat pujian manusia. Sebaliknya, komitmen untuk menjaga hukum halal dan haram adalah bertujuan untuk memuliakan aturan Allah SWT dan menunaikan amanah pengabdian kepada Allah SWT (Mohd Ghozali & Nor 'Azzah, 2015). Dalam hubungan sesama manusia pula, ubudiyyah mendorong manusia supaya melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin sehingga kesan kebaikan setiap perlakuannya dapat dirasai oleh manusia sekeliling (Al-Qardhawi, 1995; Hasan et al., 2015). Pengawasan Allah SWT yang dirasai oleh jiwa dapat membentuk sikap istiqamah untuk melakukan kebaikan.

Serentak dengan itu, sebarang salah laku yang mendatangkan kemudharatan, ketidakadilan, kezaliman dan eksploitasi terhadap orang lain dapat dielakkan (Said Elfakhani & Zafar, 2013). Kesepaduan nilai ubudiyyah dalam ketiga-tiga aspek ini (akidah, syariat dan tasawuf) berupaya membawa manusia menghayati hikmah di sebalik hukum serta merasakan makrifat dan kedekatan hubungan dengan Allah SWT yang akhirnya memberikan kemanisan iman (*halawatul iman*) pada jiwa (Al-Nabhani, 2003; Al-Ghazali, 1990). Justeru, perhatian kepada perkara halal dan haram bukan lagi disebabkan oleh nilai ekonomi atau tujuan keduniaan, sebaliknya komitmen terhadap penjagaan hukum halal dan haram dipegang secara bersungguh-sungguh dengan jiwa yang ikhlas, takut, harap dan cinta kepada-Nya (Al-Nabhani, 2003; Che Zarina & Syarifah Fatimah 2014). Perasaan rohani ini seterusnya memberikan kesempurnaan kepada keislaman seseorang.

Kepatuhan yang didasari oleh ubudiyah ini merealisasikan prinsip ihsan dalam setiap amalan. Bukan sekadar jasad dilihat melakukan kepatuhan dan ketundukan terhadap hukum hakam yang ditetapkan, malah dalam masa yang sama, hati juga terlibat melakukan pekerjaan dengan mengingati Allah SWT secara bersungguh-sungguh sehingga terbitk keikhlasan dalam diri serta dijauhkan dari sifat keji (Al-Ghazali, 1990; Che Zarrina & Sharifah Fatimah, 2014). Penjelasan ini memberi kefahaman bahawa ubudiyah dalam mendepani hukum halal dan haram dapat direalisasikan dengan menyepadukan akidah dan tasawuf dalam perkara syariat serta berterusan menyucikan jiwa dari sebarang perkara yang membawa kemurkaan Allah SWT (Al-Qaradhawi 1995; Wan Mohd Yusof & Abdul Karim 2015).

Oleh yang demikian, bidang pengurusan halal bukan sekadar menjadi satu mekanisme yang dapat memastikan ketentuan tatacara muamalah dalam syariat Islam dipatuhi, tetapi juga menjadi wasilah kepada para penggiat bidang ini agar sentiasa hampir dengan Allah SWT (Hasan et al., 2014; Mahmassani, 2000; Zakaria, 1989). Malah, ubudiyah adalah nilai teras yang membezakan sistem pengurusan Muslim dengan Barat yang bersifat luaran dan materialistik yang fokusnya untuk memenuhi nafsu ekonomi dan kehendak organisasi sahaja. Ukuran kejayaan Barat juga hanya terbatas kepada kejayaan di dunia dan tidak mementingkan keperluan untuk mendapat keredhaan Allah (Fadzila Azni, 2010; Ilhaamie, 2001; Hasan, 2014). Dalam masa yang sama, penekanan ubudiyah dalam pengurusan halal adalah disebabkan oleh setiap perlaksanaan syariat yang tidak diperkuuhkan dengan hakikat adalah tidak sempurna, manakala hakikat yang tidak diikat dengan syariat pula adalah tidak diterima (Al-Qushayri, 2003; Al-Ghazali, 1976). Oleh itu, ubudiyah wajar diletakkan sebagai roh yang menggerakkan pelaksanaan hukum hakam (termasuk halal dan haram) yang ditetapkan oleh Allah SWT (Sa'id Hawwa, 1999; Ibn Taymiyah, 2001). Dengan ubudiyah sebagai roh, pelaksanaan syariat Islam menjadi sempurna dan prinsip Islam sebagai agama rahmat buat sekalian alam dapat direalisasikan.

Dalam konteks menyediakan pelajar pengurusan halal sebagai pengusaha, penggubal polisi atau auditor halal, kefahaman mengenai

kesepaduan halal yang dihuraikan ini adalah sangat penting untuk memartabatkan sektor industri halal menurut perspektif Islam yang sebenar. Tanpa kesepaduan tersebut, bidang pengurusan halal boleh sahaja menumpukan kepada aspek pencapaian objektif pematuhan syariah pada produk tapi kurang menekankan pencapaian matlamat sebenar manusia sebagai hamba dan khalifah Allah yang memikul amanah dalam memimpin masyarakat mencapai kejayaan hakiki di dunia dan di akhirat (Hasan et al., 2015; Mukherjee, 2014).

Oleh itu, adalah tidak mencukupi sekiranya pelajar dididik untuk berkebolehan mengeluarkan keputusan sesuai dengan hukum syarak, menggali hukum, menganalisis pelbagai masalah dengan hujah yang kuat dan tepat semata-mata. Pelajar juga perlu diasuh dengan keyakinan Tauhid yang jitu untuk sentiasa bersungguh-sungguh melakukan amalan zahir dan batin yang disukai oleh Allah SWT bagi mendekatkan diri kepada-Nya. Amalan zahir dan batin tersebut merangkumi perlaksanaan amalan fardhu dan sunnah, sentiasa bersikap benar dan tulus, melazimi taubat, memerintahkan yang ma'ruf, mencegah kemungkaran serta sentiasa bekerja dengan cerminan akhlak yang baik (Che Zarrina & Sharifah Fatimah, 2014; Ibn Qayyim, 2007). Dalam masa yang sama, pelajar juga dididik dengan sikap bersungguh-sungguh mendalamai ilmu kontemporari yang selari dengan perkembangan sains dan teknologi agar status halal dapat disahkan dengan sempurna (Muatasim Ismaeel Katharina Blaim, 2012; Mohd Aliff et al. 2015).

### **3. Metodologi**

Bagi mengenalpasti kepercayaan pelajar terhadap konsep ubudiyyah dalam pengurusan halal, pendekatan kualitatif dipilih dengan menggunakan metod kajian kes. Kaedah temubual separa struktur dan soalan terbuka digunakan supaya responden dapat menggambarkan pandangan mereka dengan lebih terperinci dan mendalam (Othman 2009). Soalan dalam temubual difokuskan kepada kepercayaan mereka terhadap konsep ubudiyyah dan kesepaduan konsep tersebut dalam bidang pengurusan halal. Data yang diperoleh dari temubual dianalisis secara transkripsi serta dikelaskan kepada beberapa tema dan kategori (Creswell 2007). Tema yang diperoleh telah disemak dan disahkan oleh

dua orang pakar dengan memperoleh nilai indeks persetujuan Cohen Kappa, 0.83. Seramai 6 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri daripada pelajar tahun akhir iaitu semester kelima program Diploma Pengurusan Halal. Pemilihan responden adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan berdasarkan saranan koordinator program yang melihat pencapaian yang baik dalam kalangan kesemua responden dalam aspek akademik, ko-kurikulum dan kepimpinan.

#### **4. Dapatan**

Hasil temubual yang dijalankan, beberapa tema utama dalam menjelaskan kepercayaan responden terhadap konsep ubudiyyah dikenalpasti. Tema-tema tersebut dinyatakan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Tema mengenai kepercayaan terhadap konsep ubudiyyah

TEMA	PENJELASAN
Patuh	Mengikut semua ketetapan perintah dan larangan Allah yang termaktub dalam Al-Quran dan As-Sunnah
Niat ikhlas	Keikhlasan hati semata-mata kerana Allah dalam melakukan pekerjaan
Rendah diri	Menyedari diri sebagai hamba yang lemah
Secara sedar, bukan sebab kebiasaan	Melaksanakan perintah dengan kesedaran sebagai hamba, bukan kerana kebiasaan atau rutin
Hikmah	Meyakini setiap perintah dan larangan ada kebaikan untuk manusia

Tema yang paling dominan dalam penghuraian responden mengenai ubudiyyah adalah kepatuhan manusia untuk mengikut semua perintah Allah SWT dan menjauhi larangan Allah SWT yang termaktub dalam

Al-Quran dan As-Sunnah. Secara langsung, responden menjelaskan ubudiyyah mempunyai hubungan yang kuat dengan persoalan halal dan haram dalam segenap aspek kehidupan. Responden menyatakan,

*“Ubudiyyah ni berkait dengan halal dan haram. Kita nak ikut atau tidak apa yang Allah dah tentukan. Tapi, halal dan haram ni, bukan apa yang kita makan je, tapi merangkumi apa yang kita buat dari bangun tidur sampai tidur semula. Setiap perbuatan kita berkaitan dengan halal dan haram. Kita ambil yang halal dan jauhkan yang haram.”* (Responden 3, 2016).

Selanjutnya, tema kepatuhan juga dikaitkan dengan komitmen diri untuk melaksanakan sesuatu suruhan meskipun berdepan dengan cabaran seperti sibuk dengan tugas dan rutin harian. Salah seorang responden memberi contoh,

*“Walaupun seseorang itu bekerja keras...hm...katakanlah dia tu CEO syarikat, kaya. Tapi dia tetap tidak lupa untuk membayar zakat. Dia akan kongsi hartanya dengan orang lain,”* (Responden 6, 2016).

Dalam mengulas tema kepatuhan ini, responden menyatakan, bahawa ubudiyyah bukan hanya melakukan perintah, tetapi harus melakukannya dengan sebaik mungkin (Responden 3 & Responden 4, 2016). Salah seorang responden menjelaskan,

*“Katakanlah kita ambil contoh zakat....kalau orang tu benar-benar dah faham makna sebenar zakat, kenapa nak tunggu last-last minute baru nak bayar? Bukankah lebih baik, kalau dia bersedia dan tunaikan zakat dalam keadaan yang paling afdal”* (Responden 4, 2016).

Selain itu responden turut menghubungkan konsep ubudiyyah dengan persoalan niat yang ikhlas semasa melakukan sesuatu amalan juga. Responden mempercayai bahawa hanya dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT, sesuatu amalan atau pekerjaan dapat dikira sebagai ibadah.

*“Bagi saya, ubudiyah itu adalah kita buat kerja..tak kisah la apapun..dengan niat sebagai ibadah. Niat kerja sebagai ibadah.”* (Responden 2, 2016).

Selain menjelaskan aspek kepatuhan, terdapat juga responden menyentuh konsep ubudiyah berkait rapat dengan rasa rendah diri terhadap Allah SWT. Perasaan rendah diri mendorong seseorang untuk sentiasa berusaha meletakkan diri sebagai hamba kepada Allah SWT.

*“Apa sahaja yang kita buat mesti la ikut apa yang Allah dah tetapkan. Dalam pelajaran, kita duduk tuntut ilmu pun adalah satu bentuk perhambaan diri, jihad ke...atau apa-apa sahaja bentuk kegiatan dalam hidup, kita kaitkan dengan rasa humble...kita sentiasa rendah diri kepada Allah SWT. Kita ingat betul-betul bahawa kita ni hamba-Nya yang lemah,”* (Responden 5, 2016).

Dalam perbincangan lanjutan, terdapat satu kesedaran dinyatakan oleh salah seorang responden bahawa konsep ubudiyah tidak berlaku dalam diri seseorang sekiranya seseorang individu itu kurang jelas tentang makna sebenar sesuatu suruhan yang ditetapkan oleh Allah SWT.

*“Katakanlah, dalam situasi seseorang tu, dia membesar dalam persekitaran yang baik...dia terbiasa dengan semua rutin hidup sebagai seorang Muslim...dia solat, dia tutup aurat....tapi, kalau dia kurang mendalami setiap perkara yang dia buat tu...dia tak dikira ber ubudiyah la kan? Mungkin dia buat sesuatu kewajipan tu, dia pun tak berapa nak faham. Main buat jelah sebab dah biasa. Itu bukan ubudiyah tu,”* (Responden 3, 2016).

Baginya kesedaran dan kefahaman yang jelas tentang perlakuan sesuatu amalan adalah penting untuk merealisasikan ubudiyah sebenar. Dalam masa yang sama, seseorang yang memahami dan menghayati konsep ubudiyah meyakini bahawa setiap pengharaman yang ditetapkan oleh Allah SWT mempunyai hikmah yang tersendiri untuk manusia. Perkara ini dinyatakan oleh salah seorang responden, iaitu,

*“Apa yang Allah larang tu, semuanya bersebab. Mesti ada keburukan. Contohnya, babi. Dalam sains pun ada cakap tentang keburukan babi,”* (Responden 2, 2016).

Berdasarkan penjelasan responden mengenai konsep ubudiyyah, dapat dibuat rumusan awal bahawa responden menitikberatkan elemen kepatuhan kepada setiap perintah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Malah, setiap kepatuhan yang dilakukan mestilah dalam keadaan faham, sedar dan ikhlas kepada Allah SWT.

Seterusnya, kepercayaan pelajar mengenai kesepaduan konsep ubudiyyah dalam bidang pengurusan halal turut diteroka. Salah seorang responden menyatakan,

*“Memang kalau kita belajar bidang ini, aspek yang banyak kita belajar adalah dalam hukum halal dan haram..hm... bila ustazah tanya bagaimana melihat Allah di sebalik hukum haram tu...saya rasa..kurang la dibincangkan..tak berapa nampak sangat la hal tu.. banyaknya adalah tentang sijil dan label halal..”* (Responden 1, 2016).

Selanjutnya, responden yang lain menambah,

*“Saya sendiri pun rasa kurang nampak perkaitan halal dan haram dengan Allah SWT. Walaupun kita tahu la bahawa halal haram ni, Allah yang tentukan...contoh la, kalau kita belajar tentang babi, ok, babi tu haram..kita belajarlah kenapa haram, apa dalil haram...tapi, hm...dalam hati tu, tak ada lah terasa yang perkara tu dapat dikaitkan dengan Allah..hm..maksudnya, yang kita lebih pandang hukum haram pada babi. tu je...”* (Responden 3, 2016).

Meskipun semua pelajar diwajibkan mengikuti dan lulus kursus asas pada semester satu dan dua seperti akidah dan akhlak Islamiyah, namun, responden menyatakan bahawa penerapan konsep ubudiyyah secara mendalam kurang dirasai. Salah seorang responden memaklumkan,

*“Kita orang memang belajar akidah. Tapi kalau nak dikaitkan dengan bidang halal ke...rasanya longgar. Kita sekadar tahu lah yang arak tu haram. Saya cakap macam tu sebab, kita tengok, orang kita, perkara syubhah pun main tak heran aje...langgar je jugak. Mana nak ada konsep ubudiyah kalau macam tu,”* (Responden 4, 2016).

Responden yang lain juga menyatakan bahawa,

*“Saya kurang nampak dan merasai belajar pengurusan halal ini dikaitkan dengan konsep ubudiyah. Kurang nampak la. Hmm...kalau dalam kelas, lecturer tu terangkan halal dan haram secara kasar, tapi benda tu kita kena fikir sendiri. Maksud saya, atas kesedaran sendirilah, kita nak kaitkan halal ni dengan konsep ubudiyah pada Allah ke tak..untuk jadi benar-benar hamba tu..saya rasa...hm..hanya konsep je,”* (Responden 3, 2016).

Namun begitu, salah seorang responden menyatakan bahawa,

*“Saya nampak jugalah perkaitan antara halal dengan konsep ubudiyah kepada Allah ni..Walaupun memang saya rasa kurang diberi penekanan, tapi kalau nak dibandingkan dengan orang lain yang tak belajar bab halal haram ni, kita yang ambil bidang ni, lebih baik. Tapi ...macam saya cakap tadi, memang kurang la. Kena pandai pandai sendiri. Kalau dia rasa nak fikir, dia akan dapat la kot... kalau tak, ikut lah apa yang lecturer sampaikan dalam kelas”* (Responden 5, 2016).

Dalam masa yang sama, responden menyatakan bahawa penerapan konsep ubudiyah hanya bersifat permukaan dan tidak mendalam. Antara respon yang diberikan adalah,

*“Kami belajar teori jelah...maksud saya teori semata-mata. Tak ada lah nilai ubudiyah tu...nak betul-betul bentuk hati kita untuk ingat Allah dan rendah diri pada-Nya. Hm... mungkin ada, tapi kita dengar dengar macam tu jelah..*

*Pensyarah selit-selit secara tidak langsung,”* (Responden 2, 2016).

Berdasarkan penjelasan responden, dapat dibuat rumusan awal bahawa pelajar menghuraikan kesepaduan konsep ubudiyyah dalam pengurusan halal dengan mengaitkannya dalam persoalan hukum halal dan haram, proses mendapatkan sijil dan produk halal. Proses penerapan dan kesepaduan nilai ubudiyyah dalam kursus bidang ini juga dilihat berlaku secara tidak langsung. Penerapan usaha tersebut adalah berdasarkan kecenderungan dan inisiatif pensyarah sendiri.

## 5. Perbincangan

Berdasarkan temubual yang dijalankan, sama ada dalam skop kepercayaan pelajar mengenai konsep ubudiyyah ataupun kesepaduan konsep ubudiyyah dalam pengurusan halal, satu pola yang jelas didapati adalah kecenderungan pelajar untuk menghuraikan aspek ubudiyyah dalam skop syariah. Penjelasan pelajar agak kurang terarah kepada skop akidah dan tasawuf yang meneliti aspek batin sesuatu hukum. Hal ini dikenalpasti berdasarkan contoh yang banyak menyentuh aspek kepatuhan jasadiah dalam perlaksanaan hukum seperti membayar zakat serta menghindari unsur babi dan arak. Dalam konteks yang lebih luas, kepatuhan harus juga merangkumi aspek rohani yang berasaskan pengenalan manusia terhadap sifat Allah SWT (Al-Ghazali, 1990; Adibah, 2013). Pengenalan tersebut memandu manusia untuk sentiasa mengingati Allah dan muraqabah kepada-Nya. Dengan itu, lahirlah individu mukmin yang bertakwa dan patuh kepada undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti menjauhi yang haram seperti rasuah, riba, menipu timbangan, arak, babi dan lain lagi (Al-Qaradhawi, 1995; Elfakhani & Ahmed, 2013).

Temubual ini juga menemui kurangnya keupayaan pelajar untuk menyepadukan persoalan hukum halal dan haram yang diketahui dengan sifat Allah SWT Yang Maha Pengasih dan Penyayang sebagai salah satu elemen dalam ubudiyyah kepada Allah SWT. Perkara ini menggambarkan terdapat sedikit kelompongan dalam menyepadukan ilmu-ilmu yang dipelajari oleh mereka. Hal ini mungkin berpunca

dari kurangnya gabung jalin ilmu antara kursus seperti akidah, ibadah, akhlak, pengurusan dan keusahawanan, kaedah *fiqh*, *fiqh* muamalat, aplikasi halal dan haram, piawai halal dan *fiqh* kontemporari. Contohnya, dalam kursus akidah, persoalan hukum hakam kurang dihuraikan, manakala dalam kursus pengurusan halal, aspek akidah pula kurang dikaitkan. Dengan demikian, pelajar kurang berkemampuan untuk menjelaskan nilai ubudiyyah dalam pengurusan halal sebagai satu nilai yang bersepada dengan aspek akidah, syariat dan tasawuf.

Meskipun dalam pengelasan bidang, pengurusan halal disenaraikan dalam bidang syariat, namun pengukuhan kesepaduan antara bidang ini dengan bidang akidah dan tasawuf adalah sangat penting supaya setiap hukum hakam yang disyariatkan, dapat difahami oleh pelajar sebagai satu bentuk keindahan dan kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya (Al-Ghazali 1990, Al-Qaradawi 1995). Hasilnya, pelajar berkemampuan untuk merealisasikan ubudiyyah dalam konteks pekerjaan mereka kelak. Tanpa kefahaman yang bersepada ini, pelajar bukan sahaja mungkin terdedah kepada risiko kekeliruan dalam memandang syariat Islam tetapi juga berisiko untuk dipergunakan oleh pihak industri untuk memperoleh keuntungan material semata-mata (Kambiz & Mohammad Reza, 2011; Mohd Aliff et al., 2015; Mukherhee, 2014). Justeru, kesepaduan aspek akidah, syariat dan tasawuf yang benar-benar difahami oleh pelajar mampu mengukuhkan peranan mereka untuk menegakkan syariat Islam dalam bidang ini seterusnya membuktikan Islam sebagai agama rahmat untuk sekalian alam (Mohammad Ghozali & Nor 'Azzah, 2015).

## **6. Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas, adalah dicadangkan agar kandungan kursus dalam bidang pengurusan halal ini diintegrasikan dengan baik agar pelajar dapat melihat praktis ubudiyyah dalam pengurusan halal bersepada dengan elemen akidah, syariat dan tasawuf yang meliputi aspek pemahaman, penghayatan dan pengaplikasianya dalam kehidupan. Pengintegrasian ilmu yang dimaksudkan bukan sekadar ilmu dalam syariah Islam semata-mata, tetapi merangkumi pengetahuan moden agar kemuliaan hukum hakam Islam dapat dipelihara. Dengan

itu, isu seperti pencampuran bahan dari babi dalam pengawet makanan, gelatin haiwan dalam makanan dan minuman, penyembelihan yang tidak mengikut syarak dan penggunaan makanan yang diubahsuai secara genetik dapat ditangani sebaiknya. Selain itu, peranan pensyarah untuk menerapkan nilai ubudiyah dan ketauhidan kepada Allah SWT melalui pendekatan yang bersifat anjal atau fleksibel amat diperlukan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu dibawa ke arah menjurus kepada menerapkan keyakinan kepada Allah SWT agar nilai ubudiyah yang melangkaui persoalan halal dan haram dapat disemai dalam diri setiap pelajar

## 7. Rujukan

- Abd. Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff. (2015). Memperkasakan Nilai Eko-Etika Islam Dalam Pendidikan Alam Sekitar Menerusi Adaptasi Model Integrasi Kurikulum Robin Fogarty : Satu Analisis. E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCASiC2015 (e-ISBN 978-967-0792-02-6), 9-10 March 2015, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Adibah Binti Abdul Rahim. (2013). *Understanding Islamic Ethics and Its Significance on the Character Building*. International Journal of Social Science and Humanity, Vol. 3, No. 6, November 2013.
- Akademi Pengajian Islam Kontemporari. (t.t). *Diploma Pengurusan Halal, Diploma Muamalat & Sarjana Muda Muamalat*. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM.
- Al- Qaradhawi. (2015). Halal dan Haram Dalam Islam, Terjemahan Dr. Zulkifli Mohamad al- Bakri, Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1976). “Mizan al- Amal”, Dlm. Majid Fakhri, Al-Fikr al-Akhlaqi al- ‘Arabi. 2 jil, Misr: al-Ahliyyah lial-Nashr wa al-Tawzi’.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad. (1990). *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*. Damsyik: Dār al-Khayr.

- Al-Nabhānī, Taqī al-Dīn. (1994). *Al-Syakhṣiyyah Al-Islāmiyyah*. Beirut: Dar al-Ummah.
- Al-Qaraḍawī. (1995). *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fī al-Iqtihād al-Islāmī*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradhwāī. (2015). terj. Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Halal dan Haram dalam Islam*, Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.
- Al-Qushayrī, Abī al-Qāsim. (2003). *Al-Risalah Al-Qushayriyyah*. Beirut: Dar al-Khayr.
- Al-Taftazānī, Abu al-Wafā' al-Ghanimī (1976), Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islāmī, Qahirah: Dar al-Thaqafah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Che Zarrina Sa'ari, & Sharifah Fatimah Syed Omar. (2014). Implementasi Tasawuf dalam Penghayatan Rukun Islam dan Pengaruhnya kepada Penyucian Jiwa (Tazkiyah Al-Nafs) Menurut Sa'id Hawwa. *MANU*, (20), 165–185.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design, Choosing Among Five Approaches*. California: SAGE Publications, Inc., Thousand Oaks.
- Elfakhani, S., and Z. U. Ahmed. (2013). *Philosophical Basis of Entrepreneurship Principles within an Islamic Ethical Framework.*" The Journal of Transnational Management (JTM), Volume 18, No. 1, pp. 5278.
- Hasan Ahmad, Ahmad Fazullah, Abdul Jalil Borham, Husna Hashim, Munira Abd Razak (2011). *Halal Studies In Universities: A Way Forward To Manage Halal Business*. International Jornal of Arts and Sciences Conference, Bad Hofgastein, Austria (IJAS2011).
- Hasan Al-Banna Mohamed, Ab Mumin Ab Ghani, & Siti Arni Basir. (2015). Nilai nilai sistem pengurusan kualiti Islam berdasarkan Al-Quran dan Integrasi ilmu Saintifik. *Jurnal Syariah*, 23(1), 25–52.
- Hasan Al-Banna, Ab. Mumin Ab. Ghani, & Siti Arni Basir. (2014). Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam MS 1900 di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia : Suatu Cabaran Masa Kini. *GJAT*, 4(2), 99–114.

- Hasan Al-Banna, Ab. Mumin Ab. Ghani, & Siti Arni Basir. (2014). Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam MS 1900 di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia : Suatu Cabaran Masa Kini. *GJAT*, 4(2), 99–114.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2007). Tibb al-qulub. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Kambiz Heidarzadeh Hanzaee & Mohammad Reza Ramezani. (2011). Intention to Halal Products In The World Markets. *Interdisciplinary Journal of Research in Business*, 1(5), 1–7.
- Khalidah Haron, Ismi Arif Ismail and Turiman Suandi. (2014). *Tawheedic' Based Leadership: an Extension of Multi Linkage Contingency Model from the Islamic Perspective Based on a Study of a Muslim Strategic Leader in Malaysia*. Middle-East Journal of Scientific Research 19 (Innovation Challenges in Multidisciplinary Research & Practice): 199-210, 2014 ISSN 1990-9233 © IDOSI Publications.
- Lokman Ab.Rahman. (2009). Isu Halal Tiada Penghujung. *Bukit Katil: Alam Baca Sdn.Bhd.*
- Mahmassani, S. (2000). *Falsafat al-Tashri'i fi al-Islam (The Philosophy of Jurisprudence in Islam)*. Farhat J. Ziadeh (terj.). Kuala Lumpur: The Other Press.
- Mohammad Ghozali, & Nor 'Azzah Kamri. (2015). Keperibadian Islam Dan Profesionalisme Dalam Pekerjaan : Satu Analisis Teoritis. *Jurnal Syariah*, 23(2), 255–286.
- Mohd Affandi Hassan. (1992). *The Tawhidic Approach in Management and Public Administration: Concept, Principles and An Alternative Model*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Mohd Aliff Abdul Majid, Izhar Hafifi Zainal Abidin, Hayati Adilin Mohd Abu Majid, & Chemah Tamby Chik. (2015). Issues of Halal Food Implementation in Malaysia. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 5(6S), 50–56.
- Mukherjee, S.R. (2014). Global Halal: Meat, Money, and Religion. *Religions*, 5(1), 22–75. <http://doi.org/10.3390/rel5010022>.

- Nor Aini Haji Idris & Mohd Ali Mohd Noor. (2013). *Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal- Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks* dalam Prosiding Perkem VIII, Jld 3: 1245-1258.
- Nurrulhidayah A. Fadzlillah, Yaakob B. Che Man, Mohammad Aizat Jamaludin, Suhaimi Ab. Rahman and Hassan A. Al-Kahtani. (2011). Halal Food Issues from Islamic and Modern Science Perspectives. 2nd International Conference on Humanities, Historical and Social Sciences IPEDR vol.17.
- Othman, Lebar. (2009). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail & Idris Awang. (2006). Pendekatan Baru Maqasid Al-Shariah Dalam Pengajian dibentangkan dalam International Conference: Islamic Jurisprudence and the Challenges of The 21st Century, anjuran UIAM, pada 8 Ogos 2006.
- Sa`id Hawwa. (2001). *Al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Said Elfajhani & Zafar U.Ahmed (2013). *Philosophical Basis of Entrepreneurship Principles Within an Islamic Ethical Framework*. Lebanese American University, Beirut, Lebanon , Journal of Transnational Management, 18:52–78, 2013.
- Wafa El-Garah Rafik I & Beekun André Habisch Gilbert Lenssen Cristian Loza Adaui, (2012). *Practical Wisdom For Management From The Islamic Tradition*. Journal of Management Development, Vol. 31 Iss 10 pp. 991 – 1000.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik & Abdul Karim Ali (2015). Konsep al-Ta‘ābudiyyah dan Kepentingannya dalam Hukum Islam Semasa. Jurnal Usuluddin 41 (Januari – Jun 2015): 1-20.

